


## BAB 5

### HASIL KAJIAN

Hasil penemuan yang diperolehi daripada analisis data yang dijalankan akan dibincangkan dalam bab ini dengan membahagikan perbincangan tersebut kepada beberapa perspektif utama. Antaranya adalah yang berkaitan dengan isu polarisasi etnik, isu pendidikan dan pelajar dan juga isu integrasi dan perpaduan nasional. Ini diikuti pula oleh paparan penilaian korelasi-korelasi bagi skala kajian yang diperolehi dari hasil kajian ini.

Jumlah keseluruhan responden yang terlibat dalam tinjauan soal-selidik yang dijalankan adalah seramai 720 orang. Carta 5.1 di bawah menunjukkan jumlah pecahan peratusan bagi setiap golongan etnik yang terlibat iaitu Melayu, Cina, India, Sabah/Sarawak dan Lain-lain.

*Carta 5.1: Pecahan Peratusan Mengikut Kumpulan Etnik*



## 5.1 **Polarisasi Etnik**

Dalam memperincikan hasil kajian isu polarisasi etnik, kita akan membahagikan perbincangan seterusnya kepada isu interaksi etnik yang wujud antara pelajar dengan pelajar lain, perasaaan mereka terhadap pelajar berlainan etnik, hubungan etnik yang wujud di kampus dan juga gambaran hubungan etnik yang wujud di Malaysia.

### *i. Interaksi Dengan Kumpulan Etnik*

Kadar kekerapan hubungan atau interaksi yang wujud antara para responden ketika bersama dengan pelajar-pelajar daripada kumpulan etnik yang sama dan juga daripada kumpulan etnik berbeza ditunjukkan dalam Jadual 5.1. Di sini kita dapat saksikan satu corak interaksi keseluruhan antara responden dari etnik Melayu dengan pelajar Melayu iaitu sebanyak 96.0% daripada jumlah responden menjawab 'selalu' berinteraksi dengan pelajar Melayu. Jika dibandingkan pula dengan interaksi bersama pelajar Cina dan India, majoriti pelajar Melayu iaitu sebanyak 54.4% menjawab 'kadang-kadang' mereka berinteraksi dengan pelajar Cina dan 43.1% dengan pelajar India. Manakala majoriti 47.3% pelajar Melayu menjawab mereka jarang berinteraksi dengan pelajar daripada lain-lain kumpulan etnik.

Jadual 5.1: Interaksi dengan Kumpulan Etnik

KEKERAPAN BERINTERAKSI DENGAN ETNIK		Kumpulan Etnik – Bilangan (%)					Jumlah
		*M -404-	*C -203-	*I -79-	*Bp. S/S -22-	*L -12-	
<b>Melayu</b>	Selalu	388 (96.0)	73 (36.0)	45 (57.0)	19 (86.4)	7 (58.3)	532 (73.9)
	Kadang-kadang	15 (3.7)	99 (48.7)	25 (31.6)	3 (13.6)	3 (25.0)	145 (20.1)
	Jarang	1 (0.3)	29 (14.3)	9 (11.4)	0 (0)	2 (16.7)	41 (5.7)
	Tidak Pernah	0 (0)	2 (1.0)	0 (0)	0 (0)	0 (0)	2 (0.3)
	<b>JUMLAH (%)</b>	<b>404 (100)</b>	<b>203 (100)</b>	<b>79 (100)</b>	<b>22 (100)</b>	<b>12 (100)</b>	<b>720 (100%)</b>
<i>Chi-Square: 273.563 ; df = 12, p&lt;.01</i>							
<b>Cina</b>	Selalu	101 (25.0)	197 (97.0)	31 (39.2)	12 (54.5)	9 (75.0)	350 (48.6)
	Kadang-kadang	220 (54.4)	6 (3.0)	36 (45.6)	8 (36.4)	3 (25.0)	273 (37.9)
	Jarang	73 (18.1)	0 (0)	11 (13.9)	1 (4.5)	0 (0)	85 (11.8)
	Tidak Pernah	10 (2.5)	0 (0)	1 (1.3)	1 (4.5)	0 (0)	12 (1.7)
	<b>JUMLAH (%)</b>	<b>404 (100)</b>	<b>203 (100)</b>	<b>79 (100)</b>	<b>22 (100)</b>	<b>12 (100)</b>	<b>720 (100%)</b>
<i>Chi-Square: 290.372 ; df = 12, p&lt;.01</i>							
<b>India</b>	Selalu	54 (13.3)	31 (15.3)	71 (89.9)	8 (36.4)	6 (50.0)	170 (23.6)
	Kadang-kadang	174 (43.1)	84 (41.4)	7 (8.8)	8 (36.4)	3 (25.0)	276 (38.3)
	Jarang	153 (37.9)	77 (37.9)	1 (1.3)	5 (22.7)	3 (25.0)	239 (33.2)
	Tidak Pernah	23 (5.7)	11(5.4)	0 (0)	1 (4.5)	0 (0)	35 (4.9)
	<b>JUMLAH (%)</b>	<b>404 (100)</b>	<b>203 (100)</b>	<b>79 (100)</b>	<b>22 (100)</b>	<b>12 (100)</b>	<b>720 (100%)</b>
<i>Chi-Square: 231.634; df = 12, p&lt;.01</i>							
<b>Lain-lain</b>	Selalu	34 (8.4)	9 (4.4)	8 (10.1)	11 (50.0)	5 (41.7)	67 (9.3)
	Kadang-kadang	120 (29.7)	67 (33.0)	29 (36.7)	5 (22.7)	5 (41.7)	226 (31.4)
	Jarang	191 (47.3)	108 (53.2)	34 (43.0)	6 (27.3)	2 (16.6)	341 (47.4)
	Tidak Pernah	59 (14.6)	19 (9.4)	8 (10.1)	0 (0)	0 (0)	86 (11.9)
	<b>JUMLAH (%)</b>	<b>404 (100)</b>	<b>203 (100)</b>	<b>79 (100)</b>	<b>22 (100)</b>	<b>12 (100)</b>	<b>720 (100%)</b>
<i>Chi-Square: 74.256 ; df = 12, p&lt;.01</i>							
(*M=Melayu *C=Cina *I=India *Bp.S/S= Bumiputera Sabah/Sarawak *L=Lain-lain)							

Di sini jelas bahawa peratusan pelajar Melayu yang berinteraksi dengan pelajar Melayu adalah lebih kerap berlaku berbanding dengan pelajar etnik lain hanya berlaku 'kadang-kadang' ataupun 'jarang' berlaku. Walaupun tidak dinafikan daripada Jadual 5.1 tertera bahawa terdapat sebilangan kecil pelajar daripada etnik Melayu yang selalu berinteraksi dengan etnik lain tetapi keadaan ini masih boleh diperbaiki.

Bagi responden berbangsa Cina pula, corak jawapan yang hampir sama wujud iaitu kekerapan berinteraksi adalah lebih ketara dengan pelajar dalam kumpulan etnik yang sama berbanding dengan interaksi dengan pelajar Melayu, India dan lain-lain. Dapat kita saksikan di sini bahawa 97.0% daripada keseluruhan jawapan 'selalu' wujud dalam interaksi dengan pelajar berbangsa Cina berbanding majoriti 48.7% pelajar Cina 'kadang-kadang' berinteraksi dengan pelajar Melayu, majoriti 41.1% 'kadang-kadang' berinteraksi dengan pelajar India dan majoriti 53.2% pelajar Cina 'jarang' berinteraksi dengan pelajar etnik lain.

Senario yang sama hampir sama wujud dalam interaksi harian di kalangan pelajar India iaitu 89.9% 'selalu' berinteraksi dengan pelajar dari kumpulan etnik yang sama, diikuti oleh majoriti 57.0% pelajar India 'selalu' berinteraksi dengan pelajar Melayu dan majoriti 45.6% berinteraksi dengan pelajar Cina. Majoriti 43.0% pelajar India pula jarang berinteraksi dengan pelajar etnik lain.

Sebaliknya responden yang terdiri daripada bumiputera Sabah dan Sarawak mempamerkan corak yang berbeza dalam interaksi harian mereka dengan pelajar-pelajar dari semua kategori etnik. Majoriti 86.4% pelajar dari Sabah dan Sarawak mengaku mereka 'selalu' berinteraksi dengan pelajar Melayu, majoriti 54.5% dengan pelajar Cina, majoriti 36.6% dengan pelajar India dan majoriti 50.0% dengan pelajar etnik lain. Daripada keputusan ini dapat dikatakan bahawa pelajar bumiputera Sabah dan Sarawak memperlihatkan kekerapan berinteraksi dan berhubung yang paling nyata dengan semua kumpulan etnik sama ada Melayu, Cina atau India dalam kajian ini.

Hasil yang ditunjukkan jelas mempamerkan satu garisan pemisah dalam aspek interaksi harian antara para pelajar daripada pelbagai kumpulan etnik di Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Kolej Swasta. Interaksi dengan pelajar daripada kumpulan etnik yang berbeza hanya wujud atau berlaku sekiranya ada keperluan di kalangan para pelajar tetapi jarang berlaku di atas sebab peribadi atau persendirian. Antaranya penyertaan dan penglibatan dalam program-program anjuran asrama dan universiti atau kolej terlibat, ketika di dewan kuliah dan juga ketika menghampiri waktu peperiksaan untuk berkongsi atau mendapatkan bahan-bahan bacaan tambahan. Polarisasi yang wujud memerlukan perhatian daripada semua pihak yang berkenaan bagi mengelakkan lagi kemelesetan dalam hubungan interaksi antara pelajar daripada kumpulan etnik berbeza.

Walaupun kadar interaksi dengan kumpulan etnik lain adalah wajar dipertingkatkan tetapi ini tidak bererti hubungan integrasi di antara pelajar adalah kurang memuaskan. Kajian mendapati bahawa walaupun berlakunya polarisasi di kalangan pelajar terlibat, aspek integrasi kaum masih kukuh kerana wujudnya perasaan toleransi dan persefahaman di antara pelajar yang terlibat seperti tidak menghalang pelajar-pelajar lain untuk mengamalkan cara hidup dan kepercayaan masing-masing ketika di asrama dan adanya rasa hormat antara satu sama lain.

Persefahaman inilah yang terus mengekalkan kedamaian dalam hubungan pelbagai etnik. Seperkara yang patut kita sedar, corak interaksi ini bukan sekadar wujud di kalangan pelajar yang berbeza kumpulan etnik tetapi turut wujud di kalangan pelajar dari kumpulan etnik yang sama yang mana proses pemilihan yang digunakan oleh mereka dalam proses interaksi ini adakalanya bersifat kedaerahan, status dan penampilan individu itu sendiri.

## **ii. *Perasaan Terhadap Kumpulan Etnik***

Setelah meneliti corak interaksi yang wujud dalam hubungan para pelajar dari pelbagai kumpulan etnik, adalah wajar kita mengambil kira sama ada interaksi harian mereka berlaku atas dorongan perasaan negatif atau prejudis yang wujud dalam diri responden terhadap pelajar dari kumpulan etnik lain. Terdapat pelbagai definisi prejudis yang merangkumi sifat-sifat berikut iaitu:

- Prejudis adalah satu fenomena “*intergroup*”
  - Prejudis adalah satu orientasi yang negatif
  - Prejudis adalah sesuatu yang tidak baik (buruk)
  - Prejudis adalah suatu bentuk sikap (sikap → stereotaip → mengelak)
- (Kitano, 1974: 18)

Hasil yang diperolehi ditunjukkan dalam Jadual 5.2 di bawah. Keputusan yang dipaparkan akan melihat aspek kekerapan wujudnya perasaan negatif ataupun prejudis yang ada terhadap pelajar dari kumpulan etnik yang sama ataupun pelajar dari kumpulan etnik lain.

Seramai 41.3% pelajar Melayu mengatakan bahawa mereka ‘tidak pernah’ mempunyai sebarang perasaan negatif terhadap pelajar Melayu yang lain, 27.5% menjawab jarang dan 26.0% menjawab kadang-kadang. Walaupun begitu perasaan negatif dan prejudis ini lebih kerap dirasai terhadap pelajar lain seperti bagi perasaan terhadap pelajar Cina, majoriti 39.4% pelajar Melayu menjawab kadang-kadang dan majoriti 34.2% terhadap pelajar India. Majoriti 40.1% pelajar Melayu menjawab tidak pernah terhadap pelajar etnik lain.

KEKERAPAN BERINTERAKSI DENGAN ETNIK		Kumpulan Etnik – Bilangan (%)					Jumlah
		*M -404-	*C -203-	*I -79-	*Bp. S/S -22-	*L -12-	
<b>Melayu</b>	Selalu	14 (3.5)	7 (3.4)	0 (0)	1 (4.5)	1 (8.3)	23 (3.2)
	Kadang-kadang	105 (26.0)	53 (26.1)	18 (22.8)	8 (36.4)	5 (41.7)	189 (26.2)
	Jarang	111 (27.5)	91 (44.8)	18 (22.8)	5 (22.7)	4 (33.3)	229 (31.8)
	Tidak Pernah	167 (41.3)	50 (24.6)	42 (53.2)	8 (36.4)	2 (16.7)	269 (37.4)
	Tiada Idea	7 (1.7)	2 (1.0)	1 (1.2)	0 (0)	0 (0)	10 (1.4)
	<b>JUMLAH (%)</b>	<b>404 (100)</b>	<b>203 (100)</b>	<b>79 (100)</b>	<b>22 (100)</b>	<b>12 (100)</b>	<b>720 (100%)</b>
<i>Chi-Square: 40.137; df = 16, p&lt;.01</i>							
<b>Cina</b>	Selalu	30 (7.4)	2 (1.0)	4 (5.1)	1 (4.5)	1 (8.3)	38 (5.3)
	Kadang-kadang	159 (39.4)	37 (18.2)	15 (19.0)	7 (31.8)	4 (33.3)	222 (30.8)
	Jarang	112 (27.7)	88 (43.3)	18 (22.8)	6 (27.3)	5 (41.7)	229 (31.8)
	Tidak Pernah	96 (23.8)	71 (35.0)	40 (50.6)	8 (36.4)	2 (16.7)	217 (30.1)
	Tiada Idea	7 (1.7)	5 (2.5)	2 (2.5)	0 (0)	0 (0)	14 (2.0)
	<b>JUMLAH (%)</b>	<b>404 (100)</b>	<b>203 (100)</b>	<b>79 (100)</b>	<b>22 (100)</b>	<b>12 (100)</b>	<b>720 (100%)</b>
<i>Chi-Square: 67.838; df = 16, p&lt;.01</i>							
<b>India</b>	Selalu	28 (6.9)	6 (3.0)	1 (1.2)	2 (9.1)	1 (8.3)	38 (5.3)
	Kadang-kadang	138 (34.2)	43 (21.2)	13 (16.5)	5 (22.7)	1 (8.3)	200 (27.8)
	Jarang	126 (31.2)	91 (44.8)	21 (26.6)	7 (31.8)	7 (58.3)	252 (35.0)
	Tidak Pernah	106 (26.2)	60 (29.5)	42 (53.2)	8 (36.4)	3 (25.0)	219 (30.4)
	Tiada Idea	6 (1.5)	3 (1.5)	2 (2.5)	0 (0)	0 (0)	11 (1.5)
	<b>JUMLAH (%)</b>	<b>404 (100)</b>	<b>203 (100)</b>	<b>79 (100)</b>	<b>22 (100)</b>	<b>12 (100)</b>	<b>720 (100%)</b>
<i>Chi-Square: 50.012 ; df = 16, p&lt;.01</i>							
<b>Lain-lain</b>	Selalu	8 (2.0)	3 (1.5)	0 (0)	1 (4.5)	0 (0)	12 (1.7)
	Kadang-kadang	80 (19.8)	18 (8.9)	9 (11.4)	2 (9.1)	4 (33.3)	113 (15.7)
	Jarang	92 (22.8)	86 (42.4)	12 (15.2)	6 (27.3)	3 (25.0)	199 (27.6)
	Tidak Pernah	162 (40.1)	76 (37.4)	44 (55.7)	11 (50.0)	5 (41.7)	298 (41.4)
	Tiada Idea	62 (15.3)	20 (9.8)	14 (17.7)	2 (9.1)	0 (0)	98 (13.6)
	<b>JUMLAH (%)</b>	<b>404 (100)</b>	<b>203 (100)</b>	<b>79 (100)</b>	<b>22 (100)</b>	<b>12 (100)</b>	<b>720 (100%)</b>
<i>Chi-Square: 52.211 ; df = 16, p&lt;.01</i>							
(*M=Melayu *C=Cina *I=India *Bp. S/S= Bumiputera Sabah/Sarawak *L=Lain-lain)							



Bagi pelajar berbangsa Cina pula, jawapan yang diperolehi menjelaskan bahawa mereka jarang mempunyai perasaan negatif dan prejudis terhadap pelajar daripada mana-mana kumpulan etnik termasuk pelajar Cina sendiri. Ini ditunjukkan dengan majoriti 43.3% pelajar Cina jarang mempunyai perasaan sedemikian dengan pelajar Cina, majoriti 44.8% terhadap pelajar Melayu, majoriti 44.8% terhadap pelajar India dan 42.4% terhadap pelajar etnik lain. Senario ini agak berbeza berbanding dengan jawapan yang diterima daripada pelajar Melayu yang lebih kerap mempunyai perasaan negatif dan prejudis mereka terhadap pelajar bangsa lain.

Bagi pelajar berbangsa India pula, keseluruhan jawapan majoriti bagi setiap kategori menjelaskan bahawa mereka 'tidak pernah' mempunyai perasaan negatif dan prejudis terhadap pelajar bangsa lain. Ini dapat di lihat daripada keputusan yang diperolehi yang mana majoriti 53.2% pelajar India 'tidak pernah' mempunyai perasaan sedemikian terhadap pelajar India lain, 53.2% terhadap pelajar Melayu, majoriti 50.6% terhadap pelajar Cina dan majoriti 55.7% terhadap pelajar etnik lain.

Keadaan ini juga berbeza jika dibandingkan dengan jawapan yang diperolehi daripada pelajar bangsa lain. Dapat dikatakan di sini bahawa dalam kajian ini pelajar India adalah golongan pelajar yang paling kurang mempamerkan perasaan negatif dan prejudis terhadap pelajar bangsanya sendiri mahupun terhadap pelajar berlainan bangsa.

Daripada keputusan ini juga dapat disimpulkan bahawa besar kemungkinan, pelajar berbangsa India jarang menghadapi masalah dalam pergaulan harian mereka dengan pelajar berbangsa lain. Keadaan ini mungkin didorong oleh kurangnya sikap negatif atau prejudis terhadap pelajar daripada kumpulan etnik lain. Walaubagaimanapun ini tidak bererti bahawa mereka tidak langsung mempunyai perasaan tersebut terhadap pelajar-pelajar daripada kumpulan etnik lain kerana kebarangkalian jumlah pelajar India yang sedikit kurang menyerlahkan masalah yang mungkin wujud dalam interaksi dengan kumpulan etnik lain.

Seperkara lagi yang menarik perhatian pengkaji di sini adalah peratusan pelajar Melayu yang mempunyai perasaan negatif dan prejudis terhadap pelajar Melayu lain adalah lebih signifikan berbanding dengan pelajar bangsa lain. Ini mungkin disebabkan oleh beberapa faktor yang memang jelas wujud di kalangan pelajar Melayu seperti sifat kedaerahan yang tinggi dan tidak memahami budaya kumpulan pelajar Melayu daripada daerah lain. Kurangnya kekerapan berinteraksi di antara pelajar Melayu dari satu-satu daerah dengan pelajar Melayu dari daerah lain mungkin turut menyumbang kepada perasaan ini.

Apa yang cuba diperkatakan adalah penggunaan dialek daerah dalam interaksi harian mungkin tidak begitu jelas difahami ataupun disalah tafsir sebagai membawa maksud yang lain dalam pemahaman dialek masing-masing. Ini mungkin menyebabkan pelajar-pelajar terlibat lebih gemar dan selesa

berinteraksi di kalangan pelajar dari daerah masing-masing dan apabila kurangnya interaksi yang wujud dengan pelajar daripada daerah lain akan turut menyumbang kepada perasaan negatif dan prejudis yang dirasakan.

Perasaan-perasaan yang wujud terhadap lain-lain kumpulan etnik boleh juga di kaitkan dengan pendedahan awal yang dilalui oleh responden dalam interaksi dengan kumpulan etnik lain. Perasaan tidak pasti dan pelbagai tanggapan yang tidak tepat yang diperolehi daripada persekitaran tempat tinggal umpamanya tentang satu-satu kumpulan etnik itu mungkin terbentuk dalam fikiran responden yang kemudiannya membuka jalan kepada kewujudan polarisasi antara mereka seperti yang dapat kita lihat dalam Jadual 4.7 sebelum ini tentang komposisi etnik di tempat kediaman.

Walaupun interaksi antara pelbagai kumpulan etnik penting dalam proses memahami antara satu sama lain, ianya bukanlah merupakan faktor penentu dalam mewujudkan prasangka ataupun sikap prejudis terhadap kumpulan etnik lain. Pelbagai pendedahan serta maklumat mengenai sesuatu kumpulan etnik dapat diperolehi dengan mudah oleh orang ramai dewasa ini tetapi ianya masih tidak dapat mengelakkan mahupun mengurangkan polarisasi yang wujud. Jadi dapat kita saksikan di sini bahawa arus pemodenan yang dikecapi kini masih tidak berupaya menandingi faktor amalan serta budaya dalam proses interaksi harian mereka dengan pelbagai kumpulan etnik.

### iii. Hubungan Etnik di Kampus

Daripada penjelasan di atas, kita dapat memahami satu bentuk (pola) hubungan interaksi dan perasaan responden dalam konteks mikro. Hasil seterusnya akan memperlihatkan pula tahap kepuasan diri responden di Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Kolej Swasta yang merujuk kepada dua aspek utama iaitu aspek politik dan sosio-budaya.

Jadual 5.3: Hubungan Etnik di Kampus

HUBUNGAN ETNIK DI KAMPUS		Kumpulan Etnik - % (Bilangan)				
		*M -404-	*C -203-	*I -79-	*Bp. S/S -22-	*L -12-
Politik	Memuaskan	50.7 (205)	37.9 (77)	30.4 (24)	27.3 (6)	33.3 (4)
	Kurang Memuaskan	36.6 (148)	43.3 (88)	46.8 (37)	54.5 (12)	50.0 (6)
	Tidak Memuaskan	10.1 (41)	13.8 (28)	21.5 (17)	13.6 (3)	16.7 (2)
	Lain-lain	2.5 (10)	4.9 (10)	1.3 (1)	4.5 (1)	0 (0)
	Jumlah	100% (404)	100% (203)	100% (79)	100% (22)	100% (12)
Chi-Square: 26.388 ; df = 12, p<.01						
Sosio-Budaya	Memuaskan	52.0 (210)	44.3 (90)	45.6 (36)	27.3 (6)	33.3 (4)
	Kurang Memuaskan	39.9 (161)	46.3 (94)	40.5 (32)	72.7 (16)	50.0 (6)
	Tidak Memuaskan	6.7 (27)	6.9 (14)	13.9 (11)	0 (0)	8.3 (1)
	Lain-lain	1.5 (6)	2.5 (5)	0 (0)	0 (0)	8.3 (1)
	Jumlah	100% (404)	100% (203)	100% (79)	100% (22)	100% (12)
Chi-Square: 23.035 ; df = 12, p<.01						
(*M=Melayu *C=Cina *I=India *Bp. S/S= Bumiputera Sabah/Sarawak L=Lain-lain)						

Jadual 5.3 menunjukkan jawapan yang telah dikemukakan oleh para responden sama ada mereka berpuas hati atau sebaliknya dengan senario politik dan sosio-budaya di kampus masing-masing. Kedua-dua aspek ini merangkumi segala isu politik dan sosio-budaya yang melibatkan semua peringkat pelajar dan kumpulan etnik. Dalam aspek politik di kampus, hasil kajian menunjukkan bahawa tahap kepuasan bagi pelajar Melayu, seramai 50.7% mengatakan ianya berada di tahap yang 'memuaskan'. Manakala bagi 43.3% pelajar Cina, 46.8% pelajar India dan 54.5% pelajar bumiputera Sabah & Sarawak merasakan bahawa ianya berada pada tahap 'kurang memuaskan'.

Dengan kata lain, tahap kepuasan para pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Awam mahupun Kolej Swasta dalam hal-hal politik adalah 'kurang memuaskan' selain daripada pendapat yang diberikan oleh para pelajar Melayu. Seramai 36.6% daripada para pelajar Melayu turut bersetuju bahawa arena politik kampus berada pada tahap 'kurang memuaskan'. Malahan ada segelintir pelajar daripada setiap kumpulan etnik yang merasakan hubungan etnik dalam aspek politik kampus langsung 'tidak memuaskan' seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.3 ini.

Senario yang sama turut dapat kita lihat dalam arena politik negara yang mana wujudnya parti-parti politik yang berlatarbelakangkan kumpulan etnik. Perjuangan parti-parti politik ini adalah berkisarkan kepentingan kumpulan etnik yang terlibat dan hubungan 'baik' yang wujud antara parti-parti politik ini pada

dasarnya adalah memuaskan, walaupun pada dasarnya ia masih tidak berupaya untuk mematikan rasa ketidakpuasan dan perjuangan yang bersifat kepentingan kaum. Senario yang sama dapat kita lihat di kalangan para pelajar ini iaitu perasaan tidak puas hati dengan senario politik kampus yang dianggap dimonopoli oleh pelajar Melayu yang seterusnya mengundang segelintir pelajar dari kumpulan etnik lain yang akan berjuang dalam usaha memenuhi kepentingan pelajar etnik tersebut.

Walaupun wujud hubungan baik di kalangan para pelajar ini tetapi polarisasi yang wujud membataskan usaha untuk mengembangkan integrasi di antara etnik. Usaha berterusan yang dijalankan oleh pihak pentadbiran Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Kolej Swasta untuk mengimbangkan polarisasi ada ketikanya tanpa disedari telah melebarkan lagi jurang hubungan pelajar terlibat seperti kewujudan persatuan yang bersifat kumpulan etnik serta aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh mereka akan turut memberi ruang untuk meluaskan jurang hubungan pelajar terlibat dengan pelajar etnik lain. Ada kalanya kita mendapati wujudnya isu kepentingan etnik tertentu dalam usaha untuk mendapatkan sokongan daripada para pelajar kumpulan etnik yang sama.

Dalam hal-hal yang melibatkan aspek sosio-budaya pula, perasaan puas hati di kalangan para pelajar adalah lebih baik berbanding dengan aspek politik. Seramai 52.0% pelajar Melayu, 44.3% pelajar Cina dan 45.6% pelajar India berpendapat aspek sosio-budaya berada pada tahap yang 'memuaskan'.

Sebaliknya seramai 72.7% pelajar bumiputera Sabah dan Sarawak berpendapat bahawa ianya 'kurang memuaskan'. Hubungan sosio-budaya antara pelajar pelbagai etnik ini melibatkan segala bentuk interaksi dalam pergaulan harian mereka.

Aspek sosio-budaya merupakan salah satu aspek yang turut dijadikan landasan kepada interaksi yang berlaku di antara pelajar memandangkan ianya melibatkan perkara-perkara yang berkaitan dengan cara hidup dan kepercayaan individu terlibat. Sensitiviti pelajar tentang aspek ini adalah amat perlu untuk menjayakan sebarang bentuk interaksi dan hubungan antara pelajar pelbagai etnik. Sekiranya tidak wujud pengetahuan dan toleransi tentang budaya masyarakat lain, hubungan interaksi antara mereka akan semakin merosot. Faktor ini turut menyumbang kepada kesukaran untuk memperoleh kejayaan dalam usaha pihak pentadbir dalam merapatkan jurang hubungan antara para pelajar pelbagai etnik.

Jadi hubungan politik dan sosio-budaya yang wujud ini menunjukkan bahawa hubungan etnik di kampus masih perlu melalui usaha pegeratan dan polarisasi yang wujud dalam interaksi harian para pelajar serta perasaan negatif yang wujud antara mereka tidak akan berupaya untuk menyumbang kepada usaha memperbaiki hubungan etnik dalam arena berkenaan.

#### ***iv. Gambaran Hubungan Etnik di Malaysia***

Setelah melihat hasil keputusan yang diperolehi berkaitan hubungan etnik di kampus, adalah wajar para responden memberikan maklum balas mereka tentang hubungan etnik di Malaysia pada peringkat makro. Gambaran hubungan etnik di Malaysia dibahagikan kepada tiga aspek utama iaitu aspek politik, sosio-budaya dan juga ekonomi.

Jadual 5.4 memaparkan keputusan yang diperolehi dan jika dibandingkan dengan keputusan daripada Jadual 5.3, kita akan mendapati bahawa terdapat sedikit perbezaan dalam corak jawapan yang dikemukakan oleh para responden. Dalam memberikan gambaran hubungan etnik dari perspektif politik dan perspektif sosio-budaya, seramai 47.5% pelajar Melayu, 49.3% pelajar Cina dan 48.1% pelajar India merasakan ianya berada pada tahap yang 'memuaskan'. Perbezaan wujud dalam peratusan jawapan yang diperolehi daripada pelajar Melayu yang mana 47.0% berpendapat ianya berada pada tahap yang 'kurang memuaskan', diikuti oleh pendapat yang sama oleh 41.4% pelajar Cina, 36.7% pelajar India, 45.5 % pelajar bumiputera Sabah dan Sarawak dan 41.7% oleh pelajar kumpulan etnik lain.

Walaupun hubungan masih kukuh dengan etnik lain, tetapi perjuangan pihak berkepentingan masih nyata dalam arena politik negara. Sehubungan dengan itu dapat dikatakan di sini bahawa generasi pelajar kini bertanggung



bahawa isu politik masih dijadikan landasan penentu kepada penguasaan dan perjuangan bagi kumpulan-kumpulan etnik tertentu dalam mencapai matlamat tertentu.

Jadual 5.4: Hubungan Etnik di Malaysia

HUBUNGAN ETNIK DI MALAYSIA		Kumpulan Etnik - % (Bilangan)				
		*M -404-	*C -203-	*I -79-	*Bp. S/S -22-	*L -12-
<b>Politik</b>	Memuaskan	47.5 (192)	49.3 (100)	48.1 (38)	50.0 (11)	50.0 (6)
	Kurang Memuaskan	47.0 (190)	41.4 (84)	36.7 (29)	45.5 (10)	41.7 (5)
	Tidak Memuaskan	5.0 (20)	7.9 (16)	15.2 (12)	4.5 (1)	8.3 (1)
	Lain-lain	0.5 (2)	1.5 (3)	0 (0)	0 (0)	0 (0)
	Jumlah	100% (404)	100% (203)	100% (79)	100% (22)	100% (12)
<i>Chi-Square: 15.565 ; df = 12, p&lt;.01</i>						
<b>Sosio-Budaya</b>	Memuaskan	52.7 (213)	62.6 (127)	48.1 (38)	54.5 (12)	41.7 (5)
	Kurang Memuaskan	40.3 (163)	31.0 (63)	41.8 (33)	40.9 (9)	41.7 (5)
	Tidak Memuaskan	6.7 (27)	5.9 (12)	10.1 (8)	4.5 (1)	16.7 (2)
	Lain-lain	0.2 (1)	0.5 (1)	0 (0)	0 (0)	0 (0)
	Jumlah	100% (404)	100% (203)	100% (79)	100% (22)	100% (12)
<i>Chi-Square: 11.125 ; df = 12, p&lt;.01</i>						
<b>Ekonomi</b>	Memuaskan	45.5 (184)	45.8 (93)	32.9 (26)	36.4 (8)	33.3 (4)
	Kurang Memuaskan	41.8 (169)	44.3 (90)	45.6 (36)	54.5 (12)	58.3 (7)
	Tidak Memuaskan	12.4 (50)	9.4 (19)	21.5 (17)	4.5 (1)	8.3 (1)
	Lain-lain	0.2 (1)	0.5 (1)	0 (0)	4.5 (1)	0 (0)
	Jumlah	100% (404)	100% (203)	100% (79)	100% (22)	100% (12)
<i>Chi-Square: 22.625 ; df = 12, p&lt;.01</i>						
(*M=Melayu *C=Cina *I=India *Bp. S/S= Bumiputera Sabah/Sarawak *L=Lain-lain)						

Dalam aspek sosio-budaya pula di dapati bahawa seramai 52.7% pelajar Melayu, 62.6% pelajar Cina, 48.1% pelajar India, 54.5% pelajar bumiputera Sabah dan Sarawak dan 41.7% etnik lain merasakan hubungan etnik yang wujud dalam aspek ini adalah 'memuaskan'. Pendapat responden adalah berkait rapat dengan perasaan mereka yang tinggal dalam masyarakat majmuk yang bebas untuk menjalankan serta mengamalkan budaya dan kepercayaan masing-masing tanpa sebarang halangan dan masalah.

Malaysia selaku negara yang mempunyai masyarakat majmuk tidak pernah mengabaikan kepentingan mana-mana kumpulan etnik terutama sekali yang melibatkan aspek sosio-budaya dan ini telah memberi keselesaan kepada semua kaum yang ada. Di samping itu juga sikap toleransi dan saling hormat-menghormati budaya kaum lain juga menjadi satu kelebihan dalam hubungan etnik yang wujud di Malaysia.

Usaha berterusan dari semua pihak termasuk kerajaan dan organisasi persendirian untuk merapatkan jurang hubungan etnik melalui pelbagai konsep dan tema turut menyumbang kepada hubungan baik dalam kehidupan sosio-budaya masyarakat pelbagai etnik. Jadi para responden dengan latar belakang dan cara hidup berbeza juga sedang melalui pengalaman yang sama ketika ini di peringkat pergaulan dan pengajian mereka di Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Kolej Swasta kini.

Dalam aspek ekonomi pula, hasil menunjukkan bahawa 45.5% pelajar Melayu dan 45.8% pelajar Cina berpendapat bahawa hubungan etnik yang wujud adalah 'memuaskan'. Walaupun begitu seramai 41.8% pelajar Melayu berpendapat ianya 'kurang memuaskan' dan 12.4% pula berpendapat ianya 'tidak memuaskan'. Malah 45.6% daripada pelajar India dan 44.3 % pelajar Cina turut berpendapat hubungan ekonomi yang wujud antara kumpulan etnik adalah 'kurang memuaskan'.

Responden terlibat menjelaskan bahawa wujud perbezaan kecil dalam peratusan di antara mereka yang merasakan hubungan etnik dalam aspek ekonomi 'memuaskan' dengan pendapat ianya 'kurang memuaskan' kerana ianya adalah hampir sama. Ini menjadi penunjuk kepada keadaan yang sedia wujud dalam aspek ekonomi negara yang sejak daripada zaman kolonial lagi dengan membahagikan dan mengasingkan masyarakat pelbagai kaum melalui pekerjaan mereka.

Keadaan ini masih wujud sehingga kini dalam aspek ekonomi kumpulan etnik terlibat. Aspek polarisasi turut wujud dalam aspek ekonomi. Generasi pelajar kita pada hari ini sepatutnya meneruskan usaha untuk mencapai keseimbangan dalam semua aspek utama masyarakat khususnya dalam mengurangkan polarisasi yang wujud dalam pelbagai institusi masyarakat seperti politik, sosio-budaya dan juga ekonomi.

Dapat disimpulkan di sini bahawa hasil yang diperolehi dalam persoalan di atas menyerlahkan isu polarisasi yang masih wujud dalam masyarakat pelbagai etnik di kampus. Pemahaman oleh orang perseorangan, interaksi dan sikap bertimbang rasa yang ada di dalam diri individu itu sendiri masih tidak berupaya untuk mengurangkan polarisasi etnik. Hasil perbincangan seterusnya akan melihat aspek pendidikan yang di terima oleh para responden dan juga mengenalpasti apakah masalah utama yang menjadi penghalang yang menyukarkan proses interaksi harian di kalangan pelajar pelbagai etnik.

## **5.2 Pelajar dan Pendidikan**

### ***i. Pendidikan di Peringkat Sekolah Rendah Dan Menengah***

Perbincangan seterusnya akan berkisar mengenai pelajar dan pendidikan. Jadual 5.5 memperlihatkan latarbelakang pendidikan yang diterima oleh responden semasa di peringkat sekolah rendah dan juga menengah.

Apa yang nyata daripada hasil yang diperolehi adalah seperti yang telah di jangkakan oleh pengkaji yang mana 92.6% daripada jumlah responden Melayu telah menghadiri sekolah aliran Melayu di peringkat sekolah rendah dan diikuti oleh 24.6% pelajar Cina dan 50.6% pelajar India. Seramai 68.0% daripada pelajar Cina menghadiri sekolah aliran Cina dan 30.4% pelajar India menghadiri sekolah aliran Tamil. Pilihan kedua bagi pelajar Melayu selain daripada sekolah

aliran Melayu adalah sekolah aliran Inggeris iaitu seramai 6.2% dan hanya segelintir kecil iaitu 1.2% menghadiri sekolah aliran Cina.

Jadual 5.5: Aliran Pendidikan di Peringkat Sekolah Rendah dan Menengah

ALIRAN SEKOLAH		Kumpulan Etnik - % (Bilangan)				
		*M -404-	*C -203-	*I -79-	*Bp. S/S -22-	*L -12-
Sekolah Rendah	Melayu	92.6 (374)	24.6 (50)	50.6 (40)	86.4 (19)	66.7 (8)
	Cina	1.2 (5)	68.0 (138)	0 (0)	4.5 (1)	8.3 (1)
	Tamil	0 (0)	0 (0)	30.4 (24)	0 (0)	8.3 (1)
	Inggeris	6.2 (25)	7.4 (15)	19.0 (15)	9.1 (2)	16.7 (2)
	Jumlah	100% (404)	100% (203)	100% (79)	100% (22)	100% (12)
<i>Chi-Square: 619.957 ; df = 12, p &lt; .01</i>						
Sekolah Menengah	Melayu	89.4 (361)	65.5 (133)	86.1 (68)	72.7 (16)	75.0 (9)
	Cina	1.2 (5)	22.2 (45)	0 (0)	4.5 (1)	0 (0)
	Inggeris	8.4 (34)	12.3 (25)	13.9 (11)	22.7 (5)	25.0 (3)
	Arab	0.2 (1)	0 (0)	0 (0)	0 (0)	0 (0)
	Lain-lain	0.7 (3)	0 (0)	0 (0)	0 (0)	0 (0)
Jumlah	100% (404)	100% (203)	100% (79)	100% (22)	100% (12)	
<i>Chi-Square: 112.748 ; df = 16, p &lt; .01</i>						
(*M=Melayu *C=Cina *I=India *Bp. S/S= Bumiputera Sabah/Sarawak *L=Lain-lain)						

Pada peringkat sekolah menengah pula kita mendapati bahawa terdapatnya kesinambungan dalam jumlah pelajar Melayu melanjutkan pelajaran mereka ke sekolah aliran Melayu iaitu seramai 89.4%, diikuti oleh 8.4% menyambung pelajaran mereka di sekolah aliran Inggeris. Bagi pelajar Cina pula mereka lebih cenderung untuk menyambung pelajaran mereka ke sekolah aliran Melayu pada peringkat ini yang mana seramai 65.5% daripada jumlah pelajar

Cina telah menghadirinya. Ini diikuti oleh 22.2% ke sekolah aliran Cina dan 12.3% ke sekolah aliran Inggeris.

Situasi yang sama turut wujud bagi pelajar India yang mana lebih ramai akan memilih untuk melanjutkan pelajaran mereka ke sekolah aliran Melayu di peringkat menengah iaitu seramai 86.1%, dan selebihnya iaitu 13.9% melanjutkan pelajaran mereka ke sekolah aliran Inggeris. Bagi pelajar India mereka tidak mempunyai pilihan untuk menyambung pelajaran mereka ke sekolah aliran Tamil.

Sehubungan dengan itu pilihan terpaksa dibuat antara menyambung pelajaran mereka ke sekolah menengah beraliran lain. Pemilihan sekolah aliran Melayu dan Inggeris ini adalah disebabkan pelajar terlibat tidak tahu bertutur bahasa Cina dan mereka juga tidak berupaya untuk belajar dengan baik sekiranya mereka meneruskan pelajaran ke sekolah aliran Cina di peringkat menengah kelak.

Selain daripada aspek bahasa, terdapat beberapa aspek lain yang menentukan pemilihan aliran sekolah di peringkat menengah seperti pembangunan kemudahan sekolah tersebut dan peluang yang lebih cerah kepada pelajar untuk menggunakannya. Aspek-aspek lain turut menyumbang kepada pemilihan sekolah seperti aspek bahasa, jarak tempat tinggal, kuota, status dan sebagainya.

Sekiranya seorang pelajar Cina melanjutkan pelajaran mereka ke sekolah aliran Melayu, sikap lebih selesa berada di kalangan pelajar dari kategori etnik yang sama akan wujud dan hanya berinteraksi dengan kumpulan etnik lain sekiranya perlu sahaja. Maka tidak hairanlah mengapa polarisasi wujud dan masih terus wujud di peringkat pendidikan yang lebih tinggi. Tidak dapat dinafikan di sini bahawa aspek-aspek lain turut menyumbang kepada bagaimanakah sikap para pelajar yang berada di dalam lingkungan etnik lain seperti aspek sosialisasi yang telah dilalui oleh mereka di kalangan keluarga, sahabat handai dan juga persekitaran tempat tinggal mereka.

Kesimpulan yang dapat dibuat hasil daripada keputusan ini adalah pelajar daripada kumpulan etnik tertentu akan berasa lebih selesa berada dipersekitaran budaya masing-masing. Mereka hanya akan memilih untuk menyambung pelajaran mereka ke sekolah aliran lain sekiranya tidak mempunyai pilihan untuk ke sekolah aliran etnik masing-masing.


Sehubungan dengan itu apabila para pelajar terlibat melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat yang lebih tinggi, yang mana keadaan ini turut memberi kesan kepada pembentukan sikap terhadap pelajar etnik lain dan juga proses interaksi. Beberapa masalah sampingan mungkin wujud dalam usaha pelajar tersebut untuk mengadaptasikan diri mereka di peringkat pendidikan yang lebih tinggi. Perbincangan seterusnya adalah untuk mengenalpasti apakah

di antara masalah yang dihadapi oleh para pelajar terlibat dalam proses interaksi harian mereka di kampus masing-masing.

ii. **Masalah Yang dihadapi di Kampus**

Carta 5.2 di bawah memperlihatkan reaksi responden sama ada mereka dapat mengenalpasti sebarang masalah ketika mereka berada di kampus masing-masing. Majoriti responden daripada semua kategori etnik menjawab tidak.

Carta 5.2: Makluman Responden Tentang Kewujudan Masalah di Kampus.





Pelajar berbangsa India dan pelajar bumiputera Sabah dan Sarawak adalah yang paling ramai mengaku akan kewujudan masalah tertentu ketika mereka berada di kampus masing-masing iaitu 45.6% pelajar India dan 45.5% pelajar bumiputera Sabah dan Sarawak dan hanya 39.1% oleh pelajar Melayu dan 18.7% oleh pelajar Cina.

Jadual 5.6 pula mempamerkan apakah antara masalah-masalah yang telah dikenalpasti oleh para responden.

*Jadual 5.6: Masalah Yang dihadapi di Kampus*

MASALAH YANG DIKENAL PASTI	Kumpulan Etnik – Bilangan (%)					Jumlah
	*M -404-	*C -203-	*I -79-	*Bp. S/S -22-	*L -12-	
Tiada sebarang idea	333 (82.4)	190 (93.6)	66 (83.5)	16 (72.7)	10 (83.3)	615 (
Bahasa	5 (1.2)	0 (0)	1 (1.3)	0 (0)	0 (0)	6
Perbezaan dari segi pencapaian akademik antara pelajar Melayu dan Cina	1 (0.2)	0 (0)	0 (0)	0 (0)	0 (0)	.
Kurangnya perpaduan antara kaum	13 (3.2)	1 (0.5)	2 (2.5)	0 (0)	0 (0)	16
Budaya	4 (1.0)	0 (0)	0 (0)	0 (0)	0 (0)	4
Sikap prejudis	25 (6.2)	9 (4.4)	5 (6.3)	4 (18.2)	1 (8.3)	44
Persekitaran	1 (0.2)	0 (0)	0 (0)	0 (0)	0 (0)	
Masalah Komunikasi	22 (5.5)	3 (1.5)	5 (6.3)	2 (9.1)	1 (8.3)	33
JUMLAH (%)	404 (100)	203 (100)	79 (100)	22 (100)	12 (100)	720 (

*Chi-Square: 28.511 ; df = 28, p<.01*

(\*M=Melayu \*C=Cina \*I=India \*Bp.S/S= Bumiputera Sabah/Sarawak \*L=Lain-lain)

Kita mendapati bahawa walaupun sebahagian besar responden mengaku akan kewujudan masalah di kampus. tetapi keputusan menunjukkan bahawa 82.4% pelajar Melayu, 93.6% pelajar Cina, 83.5% pelajar India, 72.7% pelajar bumiputera Sabah dan Sarawak dan 83.3% pelajar dari kumpulan etnik lain tidak mempunyai sebarang idea tentang apakah bentuk masalah yang dihadapi oleh mereka.

Jawapan yang diberikan ini menunjukkan bahawa terdapat di kalangan para pelajar terlibat masih mempunyai perasaan takut untuk berterus terang tentang masalah yang mereka hadapi dan ini menyukarkan usaha pengkaji untuk mengenalpasti apakah masalah sebenar yang dihadapi oleh pelajar pelbagai etnik dalam sesebuah insitusi pengajian yang terlibat.

Walaupun begitu terdapat beberapa masalah yang telah dikenalpasti oleh sebilangan kecil responden iaitu seramai 6.2% pelajar Melayu, 4.4% pelajar Cina, 6.3% pelajar India, 18.2% pelajar bumiputera Sabah dan Sarawak serta 8.3% pelajar kumpulan etnik lain berpendapat bahawa sikap prejudis adalah masalah yang perlu mereka hadapi di kampus masing-masing, diikuti oleh masalah komunikasi, masalah kurangnya perpaduan yang wujud antara kaum, masalah bahasa, budaya, perbezaan pencapaian akademik di kalangan pelajar Melayu dan Cina dan aspek persekitaran.

Masalah-masalah yang dikemukakan oleh para responden terlibat bolehlah dianggap sebagai masalah yang biasa wujud dalam masyarakat pelbagai etnik. Sikap prejudis masih di anggap sebagai masalah utama yang dihadapi oleh para pelajar di kampus. Sikap prejudis dan masalah komunikasi turut menyumbang kepada kewujudan perasaan negatif terhadap kumpulan etnik lain seperti yang telah dibincangkan sebelum ini.

Masalah sikap dan stereotaip terhadap kumpulan etnik lain masih jelas utuh di kalangan pelajar terlibat dan ini menimbulkan persoalan sama ada usaha yang telah diambil oleh pihak-pihak berkenaan selama ini tidak begitu memberi kesan dalam mengurangkan tanggapan-tanggapan ini ataupun adakah wujudnya faktor-faktor sampingan lain yang terus menyumbang kepada masalah prejudis di kalangan pelajar dari pelbagai kumpulan etnik ini. Hasil keputusan seterusnya diharapkan dapat memperincikan lagi apakah di antara masalah-masalah yang wujud dalam proses interaksi antara pelajar daripada pelbagai kumpulan etnik.

### ***iii. Masalah Yang dihadapi Ketika Berinteraksi Dengan Kumpulan Etnik Lain di Kampus***

Perbincangan keputusan hasil kajian berikutnya lebih tertumpu kepada masalah yang dihadapi oleh pelajar terbabit ketika mereka berinteraksi dengan pelajar daripada kumpulan etnik berbeza. Jadual 5.7 mempamerkan antara masalah-masalah yang wujud iaitu diantaranya adalah masalah sikap, bahasa dan budaya. Terdapat di kalangan responden terlibat berpendapat bahawa

terdapat perkaitan antara masalah-masalah ini dan ianya berhubung kait di antara satu dengan yang lain.

Jadual 5.7: Masalah Ketika Berinteraksi Dengan Lain-lain Kumpulan Etnik

MASALAH DIHADAPI KETIKA BERINTERAKSI	Kumpulan Etnik – Bilangan (%)					JUMLAH (%)
	*M -404-	*C -203-	*I -79-	*Bp. S/S -22-	*L -12-	
Bahasa	112 (27.7)	46 (22.7)	15 (19.0)	5 (22.7)	6 (50)	184 (25.6)
Budaya	49 (12.1)	36 (17.7)	7 (8.9)	3 (13.6)	0 (0)	95 (13.2)
Sikap	145 (35.9)	70 (34.5)	42 (53.1)	5 (22.7)	4 (33.3)	266 (36.9)
Bahasa dan Budaya	10 (2.5)	3 (1.5)	0 (0)	0 (0)	0 (0)	13 (1.8)
Bahasa dan Sikap	37 (9.2)	4 (2.0)	0 (0)	1 (4.6)	0 (0)	42 (5.8)
Budaya dan Sikap	8 (2.0)	15 (7.4)	5 (6.3)	2 (9.1)	0 (0)	30 (4.2)
Bahasa, Budaya dan Sikap	14 (3.5)	9 (4.4)	3 (3.8)	3 (13.6)	0 (0)	29 (4.0)
Tiada Masalah	28 (6.9)	19 (9.3)	7 (8.9)	2 (9.1)	2 (16.7)	58 (8.1)
Lain-lain	1 (0.2)	1 (0.5)	0 (0)	1 (4.6)	0 (0)	3 (0.4)
<b>JUMLAH (%)</b>	<b>404 (100)</b>	<b>203 (100)</b>	<b>79 (100)</b>	<b>22 (100)</b>	<b>12 (100)</b>	<b>720 (100%)</b>

*Chi-Square: 70.802 ; df = 32, p<.01*

(\*M=Melayu \*C=Cina \*I=India \*Bp.S/S= Bumiputera Sabah/Sarawak \*L=Lain-lain)

Sebanyak 35.9% majoriti pelajar Melayu, 34.5% majoriti pelajar Cina, 53.1% majoriti pelajar India serta 22.7% majoriti pelajar bumiputera Sabah dan Sarawak mengenalpasti sikap sebagai masalah utama yang wujud dalam proses interaksi pelajar. Bagi majoriti 50.0% pelajar etnik lain pula mereka berpendapat bahasa merupakan masalah utama ketika berinteraksi dengan pelajar Melayu, Cina, India dan pelajar bumiputera Sabah dan Sarawak.

Masalah sikap adalah berkait rapat dengan perasaan prejudis yang wujud dalam diri individu terlibat. Sehingga kini perasaan inilah yang menguasai pemikiran kebanyakan individu dari semua kumpulan etnik dalam melihat kumpulan etnik yang lain. Perasaan yang wujud ini memberi kesan buruk kepada proses interaksi yang sepatutnya wujud tanpa rasa was-was kerana rakyat Malaysia dari pelbagai kumpulan etnik telah lama hidup bersama dan masing-masing telah sedia maklum akan kelebihan dan kekurangan sesuatu kumpulan etnik terlibat.

Selain daripada sikap, masalah bahasa adalah masalah utama yang wujud dalam interaksi dua hala di antara pelajar berlainan etnik. Sebanyak 27.7% pelajar Melayu, 22.7% pelajar Cina, 19.0% pelajar India dan 22.7% pelajar bumiputera Sabah dan Sarawak berpendapat mereka sukar untuk berinteraksi dengan pelajar etnik lain disebabkan oleh bahasa yang berbeza. Gabungan kedua-dua masalah ini iaitu sikap dan bahasa akan terus menyukarkan proses interaksi antara mereka walaupun pelajar-pelajar terlibat tidak sepatutnya menjadikan ia sebagai satu alasan mahupun masalah dalam usaha untuk berinteraksi. Alasan berkaitan budaya yang berbeza di kalangan para pelajar di kampus terlibat turut menyumbang kepada masalah interaksi ini.

Masalah budaya pula diutarakan oleh seramai 12.1% pelajar Melayu, 17.7% pelajar Cina, 8.9% pelajar India dan 13.6% pelajar bumiputera Sabah dan Sarawak. Aspek budaya ini berkait rapat dengan cara hidup dan kepercayaan

para pelajar. Budaya sebagai satu masalah dalam proses interaksi dengan pelajar dari kumpulan etnik lain adalah masalah sejagat yang sukar untuk dihakis dan ianya turut melibatkan aspek sikap pelajar tersebut yang dibentuk oleh budaya yang mereka ikuti sejak dari kecil lagi. Pertembungan pelbagai budaya dalam masyarakat majmuk di Malaysia khususnya tidak memberi banyak kesan kepada proses asimilasi dan kumpulan-kumpulan etnik masih bebas untuk mempraktikkan budaya dan kepercayaan masing-masing.

Dapat disimpulkan di sini bahawa masalah utama yang timbul dalam proses interaksi harian mereka adalah masalah sikap, bahasa dan budaya. Tidak dapat dinafikan bahawa persekitaran tempat tinggal, tempat belajar dan kawan-kawan yang sentiasa bersama pelajar turut menyumbang kepada keadaan tersebut. Kurangnya pendedahan serta pergaulan dengan pelajar daripada kumpulan etnik lain mungkin mendorong mereka merasa lebih selesa ketika berada dalam lingkungan kumpulan etnik masing-masing.

Faktor persekitaran awal pula dapat dikaitkan dengan isu-isu lain yang wujud dalam masyarakat kini iaitu isu status sosial umpamanya. Kelas-kelas masyarakat yang berbeza akan mewujudkan satu bentuk persekitaran mereka yang tersendiri dan keadaan ini turut mempengaruhi pandangan dan bentuk pergaulan pelajar ataupun remaja yang terlibat kerana mereka mungkin hanya berinteraksi dengan kumpulan dari kelas yang sama yang berkemungkinan besar terdiri daripada kumpulan etnik yang sama. Keadaan ini turut

menyumbang kepada keupayaan berinteraksi individu tersebut kelak sekiranya mereka terpaksa berada dalam lingkungan individu dari pelbagai kelas dan kumpulan etnik khususnya.

Ketidakupayaan untuk berinteraksi dengan baik akibat daripada masalah-masalah ini mungkin akan turut memberi kesan kepada usaha integrasi yang dijalankan walaupun timbal balasnya tidak begitu nyata. Kajian berikutnya akan melihat aspek integrasi dan perpaduan nasional yang wujud di kalangan pelajar di kampus terlibat dan adakah wujud sebarang pendapat bahawa integrasi etnik di kampus kelak akan bertambah baik ataupun sebaliknya.

### **5.3 Integrasi dan Perpaduan Nasional**

Dalam perbincangan isu integrasi dan perpaduan kaum ini, penghujahan akan dibahagikan kepada tiga persoalan utama iaitu melihat:

- 1) Sejauh manakah para responden bersetuju mengenai aspek kepelbagaian etnik dalam kampus dan negara amnya?
- 2) Apakah antara aktiviti-aktiviti yang di anjurkan dalam usaha untuk meningkatkan kadar integrasi dan perpaduan antara kaum? dan
- 3) Apakah masa depan integrasi dan perpaduan etnik di kampus?

i. **Kepelbagaian Etnik Dalam Kampus Dan Negara**

Jadual 5.8 menunjukkan pandangan responden mengenai aspek kepelbagaian kumpulan etnik di kampus dan negara yang menjelaskan sejauh manakah ianya dianggap sebagai satu kebaikan kepada semua.

Jadual 5.8: *Pandangan Responden Tentang Kepelbagaian Etnik di Kampus dan Negara*

PANDANGAN RESPONDEN		Kumpulan Etnik - % (Bilangan)				
		*M -404-	*C -203-	*I -79-	*Bp. S/S -22-	*L -12-
<b>Kampus</b>	Sangat Bersetuju	28.2 (114)	11.3 (23)	43.0 (34)	36.4 (8)	33.3 (4)
	Bersetuju	56.9 (230)	59.6 (121)	35.0 (30)	45.5 (10)	25.0 (3)
	Sangat Tidak Bersetuju	3.5 (14)	2.0 (4)	3.8 (3)	0 (0)	0 (0)
	Tidak Bersetuju	2.0 (8)	2.5 (5)	2.5 (2)	0 (0)	0 (0)
	Tiada Pandangan Khusus	9.4 (38)	24.6 (50)	12.7 (10)	18.2 (4)	41.7 (5)
	Jumlah	100%(404)	100%(203)	100% (79)	100% (22)	100% (12)
<i>Chi-Square: 66.195 ; df = 16, p&lt;..01</i>						
<b>Negara</b>	Sangat Bersetuju	25.5 (103)	18.2 (37)	48.1 (38)	50.0 (11)	8.3 (1)
	Bersetuju	57.2 (231)	53.2 (108)	39.2 (31)	36.4 (8)	50.0 (6)
	Sangat Tidak Bersetuju	3.7 (15)	4.4 (9)	2.5 (2)	0 (0)	8.3 (1)
	Tidak Bersetuju	2.5 (10)	3.4 (7)	3.8 (3)	0 (0)	0 (0)
	Tiada Pandangan Khusus	11.1 (45)	20.7 (42)	6.3 (5)	13.6 (3)	33.3 (4)
	Jumlah	100%(404)	100%(203)	100% (79)	100% (22)	100% (12)
<i>Chi-Square: 50.157 ; df = 16, p&lt;..01</i>						
(*M=Melayu *C=Cina *I=India *Bp. S/S= Bumiputera Sabah/Sarawak *L=Lain-lain)						



Pada peringkat kampus, 56.9% pelajar Melayu dan 59.6% pelajar Cina menyatakan bahawa mereka 'bersetuju' dengan kewujudan kepelbagaian kumpulan etnik di sekitar kampus manakala 43.0% pelajar India merasa 'sangat bersetuju' dengan idea tersebut. Keputusan pendapat pelajar terlibat adalah hampir sama tentang kepelbagaian etnik di peringkat negara iaitu seramai 57.2% pelajar Melayu, 53.2% pelajar Cina dan 39.2% pelajar India 'bersetuju' dengan keadaan yang wujud.

Persetujuan yang telah dikemukakan oleh semua kumpulan etnik terlibat memberikan satu senario positif terhadap konsep integrasi kaum yang wujud di kampus. Aspek interaksi yang didapati kurang menyerlah dalam hubungan harian para responden dengan pelajar dari kumpulan etnik lain tidak sewajarnya dinilai sepenuhnya dalam melihat proses integrasi. Proses interaksi yang kurang menyerlah di kalangan pelajar pelbagai kumpulan etnik masih tidak berupaya mematahkan semangat integrasi yang wujud hasil dari sikap kerjasama dan toleransi di antara setiap kumpulan etnik.


Usaha-usaha masih perlu dijalankan untuk memastikan proses integrasi yang wujud tidak akan pudar dan di antaranya adalah dengan menjalankan aktiviti-aktiviti berkumpulan yang dapat mengumpulkan kesemua pelajar daripada pelbagai kumpulan etnik di kampus khususnya. Perbincangan berikutnya akan melihat sama ada wujudnya usaha-usaha sebegini di kampus terlibat dan apakah aktiviti-aktiviti yang dicadangkan atau yang dijalankan oleh

pihak berkaitan dalam usaha untuk menggalakkan lagi proses integrasi dan perpaduan kaum ini. Aktiviti-aktiviti ini adalah antara langkah yang diambil yang diharapkan dapat memperhebatkan interaksi kaum dalam usaha meningkatkan kadar integrasi yang wujud di kalangan pelajar dan penduduk berbilang kaum ini.

**ii. Aktiviti-Aktiviti Untuk Menggalakkan Integrasi Dan Perpaduan Kaum**

Carta 5.3 menunjukkan bahawa 63.7% responden menyatakan adanya aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh pihak telibat dalam usaha untuk menggalakkan interaksi antara kaum. Sebaliknya 36.3% responden berpendapat bahawa tidak terdapat aktiviti-aktiviti khusus yang dijalankan oleh pihak kampus yang melibatkan pelajar daripada pelbagai kumpulan etnik.

*Carta 5.3: Adakah Terdapat Aktiviti yang Menggalakkan Interaksi Kaum*



Percanggahan pendapat ini ada kalanya disebabkan adanya di antara para pelajar yang tidak aktif dalam sebarang bentuk persatuan yang wujud di kampus masing-masing dan kurangnya pendedahan yang diterima tentang segala bentuk perancangan dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh persatuan-persatuan terlibat.

Walaupun begitu para responden yang mengatakan bahawa tiada sebarang aktiviti yang dianjurkan oleh kampus masing-masing turut memberikan pendapat tentang bentuk-bentuk aktiviti yang mungkin boleh dijalankan dalam usaha untuk menggalakkan proses interaksi dan integrasi kaum. Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan dapat kita lihat dalam Jadual 5.9 di bawah.

*Jadual 5.9: Aktiviti-aktiviti Untuk Menggalakkan Integrasi Kaum*

AKTIVITI YANG DIJALANKAN	Kumpulan Etnik – Bilangan (%)					JUMLAH
	*M -404-	*C -203-	*I -79-	*Bp. S/S -22-	*L -12-	
Tiada sebarang idea	249 (61.6)	150 (73.9)	58 (73.4)	14 (63.6)	12 (100)	483 (67.
Seminar	5 (1.2)	0 (0)	0 (0)	0 (0)	0 (0)	5 (0.
Sambutan Hari Kebangsaan	40 (10.0)	20 (9.8)	3 (3.8)	1 (4.6)	0 (0)	64 (8.
Aktiviti Budaya	76 (18.8)	25 (12.3)	14 (17.7)	3 (13.6)	0 (0)	118 (16.
Hari Keluarga/ Hari Sukan	25 (6.2)	5 (2.5)	3 (3.8)	4 (18.2)	0 (0)	37 (5.
Kelab Budaya	2 (0.5)	0 (0)	0 (0)	0 (0)	0 (0)	2 (0.
Gotong-Royong	7 (1.7)	3 (1.5)	1 (1.3)	0 (0)	0 (0)	11 (1.
JUMLAH (%)	404 (100)	203 (100)	79 (100)	22 (100)	12 (100)	720 (100)

*Chi-Square: 33.827 ; df = 24, p<.01*

(\*M=Melayu \*C=Cina \*I=India \*Bp.S/S= Bumiputera Sabah/Sarawak \*L=Lain-lain)

Daripada Jadual 5.9 ini, majoriti 61.6% pelajar Melayu, 73.9% pelajar Cina, 73.4% pelajar India, 63.6% pelajar bumiputera Sabah dan Sarawak dan 100% pelajar dari kumpulan etnik lain tidak mempunyai sebarang idea tentang apakah bentuk aktiviti-aktiviti yang boleh atau yang telah dianjurkan dalam menggalakkan integrasi kaum. Sebaliknya hanya sebanyak 18.8% pelajar Melayu, 12.3% pelajar Cina, 17.7% pelajar India dan 13.6% pelajar bumiputera Sabah dan Sarawak berpendapat aktiviti budaya berupaya untuk bertindak dalam usaha mengeratkan perpaduan antara kaum di kampus, diikuti pula oleh aktiviti sambutan hari kebangsaan, menganjurkan hari keluarga ataupun hari sukan, mengadakan gotong-royong, seminar dan mewujudkan kelab budaya.


Cadangan-cadangan untuk mengadakan aktiviti-aktiviti ini jelas bertujuan untuk mendapat penyertaan serta mewujudkan satu tapak bagi membolehkan berlakunya interaksi secara lebih terbuka di kalangan para pelajar yang berbeza bangsa. Interaksi dan komunikasi yang berlaku diharapkan dapat menguatkan lagi integrasi di antara mereka dan mengurangkan jurang perbezaan yang wujud dalam budaya pelbagai kaum.

Keupayaan untuk berkerjasama dalam aktiviti-aktiviti tersebut bolehlah dianggap sebagai satu percubaan yang bagi membentuk hubungan kerjasama dalam jangkamasa panjang. Ini akan dapat membantu negara khususnya dalam usaha mempertahankan kedaulatan konsep masyarakat majmuk dan perpaduan kaum yang wujud di antara semua etnik di Malaysia.

**i. Masa Hadapan Hubungan Etnik Dan Perpaduan Nasional**

Setelah diteliti hasil jawapan di atas, akhir sekali kita akan melihat apakah yang mereka jangkakan tentang hubungan etnik dalam tempoh lima tahun akan datang di persekitaran kampus dan juga negara. Responden terlibat memberikan pendapat mereka tentang masa hadapan hubungan etnik yang berkemungkinan akan 'bertambah baik' ataupun 'tetap sama' atau adakah ianya akan 'merosot'. Analisis perolehan data ini adalah dibuat secara keseluruhan tanpa mengambil kira pembahagian kumpulan etnik pelajar. Carta 5.4 memaparkan hasil keputusan keseluruhan yang diperolehi.

*Carta 5.4: Hubungan Etnik Lima Tahun Akan Datang*



Dalam memberi pandangan tentang hubungan etnik di institusi pendidikan, didapati bahawa sebanyak 53.5% pelajar berpendapat bahawa keadaan akan 'bertambah baik' dalam jangkamasa lima tahun lagi manakala

38.9% pula berpendapat hubungan etnik yang wujud kini akan 'tetap sama' selepas lima tahun dan yang selebihnya (7.6%) berpendapat bahawa ianya mungkin akan 'merosot'. Pendapat yang hampir sama dikemukakan bagi senario hubungan etnik di peringkat negara dalam jangka masa lima tahun ini iaitu sebahagian besarnya iaitu sebanyak 58.6% berpendapat yang ianya akan 'bertambah baik' manakala 31.9% berpendapat ianya akan 'tetap sama' dan 9.4% pula berpendapat ianya akan 'merosot'.

Keadaan ini memaparkan bahawa para pelajar yang juga merupakan sebahagian daripada anggota masyarakat yang bakal membentuk generasi akan datang masih berkeyakinan bahawa perpaduan kaum di kampus dan negara akan bertambah baik ataupun sekurang-kurangnya ia akan berada pada tahap yang sama seperti sekarang. Keinginan dan kesanggupan pelbagai kumpulan etnik untuk sama-sama berjuang meningkatkan tahap interaksi dan integrasi kaum adalah amat perlu dengan cara menjalankan usaha yang berterusan.

Usaha untuk meningkatkan interaksi dan integrasi secara tidak langsung membawa maksud segala usaha yang diharapkan akan dapat membantu mengurangkan sikap prejudis dan polarisasi yang wujud di kalangan para pelajar di Insititusi Pengajian Tinggi negara ini khususnya.

## 5.4 Korelasi Antara Skel Kajian

Korelasi-korelasi yang akan dipaparkan di dalam bahagian ini adalah berkaitan dengan isu hubungan etnik, interaksi dan perasaan yang wujud antara pelajar-pelajar dalam kumpulan etnik yang sama mahupun berlainan. Ini diikuti pula oleh korelasi yang berkaitan dengan pendapat para responden tentang kelebihan mempunyai masyarakat pelbagai etnik dan masa depan perpaduan serta integrasi nasional dalam jangkamasa lima tahun akan datang di Institusi Pengajian masing-masing dan juga negara secara keseluruhannya.

*Jadual 5.10: Korelasi Antara Kumpulan Etnik dan Perasaan Negatif Terhadap Etnik Lain*

Kumpulan Etnik	Perasaan Negatif Terhadap Etnik	Melayu	Cina	India	Lain-lain
		Melayu	Korelasi Pearson	1.000	.580**
Cina	Korelasi Pearson	.580**	1.000	.757**	.374**
India	Korelasi Pearson	.565**	.757**	1.000	.425**
Lain-lain	Korelasi Pearson	.355**	.374**	.425**	1.000

Jadual 5.10 menunjukkan korelasi di antara perasaan negatif dan sikap prejudis yang wujud dalam diri responden daripada pelbagai kaum. Ini bermaksud korelasi yang wujud adalah di antara satu-satu kumpulan etnik dan juga perasaan mereka terhadap para pelajar daripada kumpulan etnik yang

berlainan. Diagonal 1.000 yang dipaparkan dalam jadual adalah merupakan hubungan korelasi tersendiri yang sememangnya sepadan. Memandangkan korelasi ini adalah sama dari mana-mana arah, maka hanya sebahagian daripada jadual penuh sahaja yang akan dipaparkan untuk mempermudah huraian dan perbincangan seterusnya.

Menerusi Jadual 5.10, kita dapat mengesan hubungan kuat yang positif berkaitan perasaan negatif di kalangan pelajar Cina dan pelajar Melayu iaitu pada kadar  $r = .580, p < .01$ . Ini diikuti oleh hubungan positif yang kuat yang wujud antara perasaan negatif etnik Melayu terhadap pelajar India iaitu pada kadar  $r = .565, p < .01$ . Walaubagaimanapun perasaan negatif terhadap etnik lain tidaklah begitu ketara tetapi tetap wujud pada kadar  $r = .355, p < .01$ . Hubungan positif yang kuat juga dipaparkan dalam melihat perasaan negatif di antara pelajar Cina dan India pada kadar  $r = .757, p < .0$ . Korelasi ini menunjukkan bahawa perasaan negatif yang wujud di kalangan pelajar Cina dan India adalah lebih kuat berbanding yang wujud di antara pelajar Cina dan Melayu ataupun antara pelajar India dan Melayu.

Korelasi yang wujud ini memperlihatkan bahawa umumnya para pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Kolej Swasta masih mempunyai perasaan kurang yakin dengan para pelajar daripada kumpulan etnik yang lain selain daripada pelajar daripada kumpulan etnik yang sama. Keadaan ini wujud di kalangan pelajar daripada semua kumpulan etnik yang di kaji. Sikap dan



prasangka yang wujud terhadap kawan-kawan daripada kumpulan etnik lain turut membataskan pergaulan mereka pada masa mereka terlibat dengan proses pembelajaran khususnya.

Kewujudan sikap dan perasaan negatif terhadap pelajar dari kumpulan etnik lain memberi kesan yang besar kepada proses interaksi yang berlaku di antara mereka. Prasangka yang wujud menjadikan para pelajar daripada kumpulan etnik berbeza terpaksa lebih 'berhati-hati' apabila berinteraksi di antara satu sama lain kerana risau akan tercetusnya isu ataupun konflik dalam interaksi dan pergaulan di antara mereka.

Sehubungan dengan itu mereka mungkin merasakan bahawa langkah yang sewajarnya yang boleh diambil adalah dengan mengurangkan kadar kekerapan berinteraksi dengan pelajar daripada kumpulan etnik yang lain dan berinteraksi hanya apabila perlu sahaja. Korelasi skel yang seterusnya akan memperlihatkan hubung kait yang wujud dalam interaksi antara responden dengan para pelajar daripada kumpulan etnik yang sama dan daripada kumpulan etnik yang berlainan di Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Kolej Swasta yang terlibat.

Jadual 5.11 pula memaparkan bahawa terdapat perhubungan negatif yang kuat dalam interaksi etnik yang berlainan seperti mana yang ditunjukkan dalam interaksi di antara pelajar Melayu dan Cina iaitu pada kadar  $r = -.223, p <$

.01. Kadar ini menjelaskan bahawa interaksi di antara pelajar Melayu dengan pelajar Cina adalah nyata sangat lemah. Sebaliknya interaksi yang berlaku interaksi yang berlaku di antara pelajar Melayu dan pelajar India pula walaupun agak lemah tetapi mempamerkan hubungan yang positif pada kadar  $r = .138, p < .01$ . Walaubagaimanapun dalam melihat perhubungan antara pelajar Cina dan pelajar India, hubungan positif yang lebih kuat wujud iaitu pada kadar  $r = .309, p < .01$  berbanding interaksi dengan pelajar Melayu.

*Jadual 5.11: Korelasi Antara Kumpulan Etnik dan Interaksi Dengan Kumpulan Etnik Lain*

Kumpulan Etnik	Interaksi Dengan Kumpulan Etnik	Melayu	Cina	India	Lain-lain
<b>Melayu</b>	Korelasi Pearson	1.000	-.233**	.138**	.126**
<b>Cina</b>	Korelasi Pearson	.233**	1.000	.309**	.236**
<b>India</b>	Korelasi Pearson	.138**	.309**	1.000	.377**
<b>Lain-lain</b>	Korelasi Pearson	.126**	.236**	.377**	1.000

Korelasi ini menjelaskan bahawa hubungan interaksi pelajar Melayu dengan pelajar Cina masih renggang jika dibandingkan dengan pelajar India. Keadaan ini mungkin wujud hasil daripada masalah-masalah yang telah dikemukakan oleh para responden sebelum ini. Kajian juga telah mendapati bahawa responden India paling kurang menghadapi masalah dalam interaksi harian mereka dengan etnik lain berbanding pelajar daripada kumpulan etnik

Melayu dan Cina. Korelasi yang ditunjukkan ini adalah selari dengan keputusan kajian yang menunjukkan bahawa pelajar India kurang bersikap prejudis terhadap pelajar daripada kumpulan etnik lain. Keadaan ini mungkin wujud hasil daripada pendedahan awal mereka dengan kumpulan etnik lain di peringkat sekolah rendah dan juga menengah.

Korelasi berikutnya yang ditunjukkan dalam Jadual 5.12 memperlihatkan idea tentang kelebihan mempunyai pelbagai kumpulan etnik di kampus dan juga negara seperti mana yang telah dikemukakan oleh para responden.

*Jadual 5.12: Korelasi Antara Kumpulan Etnik dan Kelebihan Kepelbagaian Etnik di Kampus dan Negara*

Kumpulan Etnik	Kelebihan Kepelbagaian Etnik di	KAMPUS	NEGARA
Kumpulan Etnik	Korelasi Pearson	.094*	.578**

Idea responden mengenai kelebihan untuk belajar dan tinggal di dalam masyarakat pelbagai etnik menunjukkan hubungan positif yang kuat bagi kawasan kampus iaitu pada kadar  $r = .094$ ,  $p < .05$ . Hubungan positif yang kuat pada kadar  $r = .578$ ,  $p < .01$  turut ditunjukkan pada peringkat negara. Ini bererti hubungan positif yang kuat wujud antara pelbagai kumpulan etnik dan pendapat mereka tentang kelebihan berada dalam masyarakat pelbagai etnik di kampus dan juga negara.

Akhir sekali korelasi turut dilihat dalam aspek kumpulan etnik dan masa depan hubungan etnik di kampus dan negara dalam jangka masa lima tahun akan datang seperti mana yang ditunjukkan dalam Jadual 5.13. Korelasi yang dipaparkan adalah pada kadar  $r = .565, p < .01$ . Terdapat hubungan positif yang kuat wujud di antara dua faktor tersebut iaitu hubungan etnik yang baik pada peringkat kampus seterusnya akan mendorong kepada hubungan baik di peringkat negara.

Jadual 5.13: Korelasi Antara Kumpulan Etnik dan Hubungan Etnik di Kampus dan Negara Lima Tahun Akan Datang

	Hubungan Etnik Selepas Lima Tahun	KAMPUS	NEGARA
Kumpulan Etnik			
Kumpulan Etnik	Korelasi Pearson	.565**	.565***

Kesimpulan yang dapat dibuat hasil daripada keputusan soal-selidik yang dijalankan adalah aspek interaksi dan polarisasi etnik masih wujud di kalangan pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Kolej Swasta. Kecenderungan para pelajar untuk berinteraksi dengan pelajar daripada kumpulan etnik lain ditentukan oleh beberapa faktor penting seperti sikap, bahasa dan budaya yang juga dirujuk sebagai masalah yang turut menghalang interaksi yang lebih erat di kalangan para pelajar terlibat. Persepsi dan sikap yang ditunjukkan oleh para responden ini terbentuk pada peringkat awal proses pembesaran mereka iaitu menerusi persekitaran tempat tinggal, proses sosialisasi daripada pelbagai pihak dan juga daripada institusi pendidikan itu sendiri.

Kekurangan interaksi di kalangan pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Kolej Swasta ini walaupun bagaimanapun tidak banyak memberi kesan kepada integrasi etnik yang masih dianggap kukuh di peringkat kampus dan negara sendiri. Senario ini membuktikan kepada kita bahawa jumlah masa individu daripada satu-satu kumpulan etnik berinteraksi dengan individu daripada kumpulan etnik lain bukanlah isu utama dalam mewujudkan dan mengekalkan integrasi kaum.

Aspek persefahaman, toleransi serta kepercayaan antara kaum berbeza adalah masih merupakan aspek yang penting dalam mengekalkan integrasi dan perpaduan kaum di kampus. Bab seterusnya akan membincangkan penilaian serta kesimpulan yang dapat dibuat daripada kajian ini.